

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 5 APRIL 2015 (AHAD)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Produk penjagaan bayi daripada labu	Mingguan Malaysia
2.	YIM, GIM hasilkan inovasi untuk 12 juta rakyat	Sinar Harian
3.	Helikopter AS365N2 Dauphin sering digunakan dalam urusan korporat	Mingguan Malaysia
4.	'Blood moon' wows 3,000 spectators	New Sunday Times
5.	Jamaluddin Jarjis suka berjenaka, tidak lokek kongsi idea – Wee Ka Siong	BERNAMA
6.	Biodata Allahyarham	Mingguan Malaysia
7.	Tan Sri Dr Jamaluddin Jarjis	New Sunday Times
8.	Perginya pemimpin dan diplomat berwibawa	Mingguan Malaysia
9.	Kehilangan besar negara	Berita Harian
10.	Jamaluddin a great friend to all	New Sunday Times
11.	Tan Sri Dr Jamaluddin Jarjis	Sunday Star
12.	JJ – from lecturer to pilitician and diplomat	Sunday Star
13.	Azlin held many roles	New Sunday Times

KERATAN AKHBAR MINGGUAN MALAYSIA (RENCAM) : MUKA SURAT 32 TARIKH : 5 APRIL 2015 (AHAD)



DARI kanan Ketua Pegawai Eksekutif BiotechCorp Datuk Nazlee Kamal, Menteri Sains Teknologi dan Inovasi Datuk Dr. Ewon Ebin, Soeraya dan Ezwanoor semasa majlis pelancaran Teknologi SFE - Perubahan dalam Industri Kesehatan di Kuala Lumpur baru-baru ini.

TEKNO

Produk penjagaan bayi daripada labu

Oleh KHAIRUNNISA SULAIMAN
nisa.sulaiman@utusan.com.my

MENCARI produk penjagaan bayi daripada bahan semula jadi bukan sesuatu yang mudah. Kebanyakan produk sama ada kosmetik hingga penjagaan bayi mempunyai bahan kimia berbahaya seperti SLS, Paraben, minyak mineral, pewarna tiruan yang mendatangkan kesan sampingan terutama kepada bayi.

Memandangkan kesukaran mencari produk bayi yang dihasilkan daripada bahan semula jadi, pasangan Erwannor Abdul Hamid dan isterinya, Soeraya Satemi Ahmad, serta dua lagi rakanannya Irnee Norris Ishak dan Irina Norris Ishak membangunkan La Boo Botanics yang mengeluarkan produk penjagaan bayi menggunakan bahan semula jadi tempatan iaitu labu.

Ditanya mengapa memilih mengeluarkan produk penjagaan bayi, Pengarah La Botanics Erwannor berkata, di pasaran terlalu banyak produk kosmetik dan setakat ini tidak banyak produk penjagaan bayi yang dihasilkan oleh usahawan bumiputera.

"Di La Boo Botanics, kami menggunakan teknologi terkini Ekstrak Bendalir Superkritikal (SFE) bagi menghasilkan ekstrak labu kuning. Kelebihan labu adalah buah ini kaya dengan



LABU bahan utama dalam produk La Boo Botanics.



TEKNOLOGI SFE yang digunakan bagi mendapatkan ekstrak labu.

karotinoid, anti oksida yang tinggi untuk menjadikan kulit lembap dan halus selain ciri antipenuaan," katanya semasa ditemui di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Erwannor berkata, SFE adalah teknologi hijau dan mesra alam yang semakin popular digunakan untuk menghasilkan ekstrak tumbuhan tulen yang berkualiti tinggi. Teknologi SFE merupakan proses penghasilan ekstrak tanpa memerlukan suhu yang tinggi dan tidak menggunakan sebarang bahan pelarut organik yang berbahaya.

"Ini kerana, suhu yang tinggi mampu merosakkan kandungan aktif atau nutrien di dalam hasil ekstrak tersebut. Manakala pelarut organik pula boleh mengakibatkan kesan sampingan yang berbahaya dan kronik seperti penyakit kanker," katanya.

Produk Produk La Boo Botanics yang dihasilkan jelas Erwannor menggunakan ekstrak berkualiti tinggi yang berasaskan daripada tumbuh-tumbuhan tempatan dan semula jadi. Semua produk La Boo Botanics adalah selamat digunakan dan berdaftar di bawah Biro Pengawalan

Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Erwannor berkata, pengguna tidak perlu risau menggunakan produknya kerana syarikatnya telah menerima status Bionexus daripada Biotechcorp sebuah agensi di bawah Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

"Buat masa ini La Boo Botanics mengeluarkan tiga jenis produk utama dan telah mula dipasarkan secara dalam talian sejak November 2014 iaitu *Delicate Baby Head-to-Toe Wash*, *Calm-*



PRODUK La Boo Botanics.

Baby Lotion dan Soothing Baby Oil Rub.

"Produk La Boo Botanics diformulasikan khusus untuk melembapkan kulit dan rambut bayi atau kanak-kanak menggunakan bahan-bahan semula jadi yang selamat dan mematuhi piawaian antarabangsa. Aroma yang digunakan sangat lembut dan bersesuaian untuk golongan bayi dan kanak-kanak serta sesuai digunakan sebagai kegunaan harian sebagai mandian dan pelembap kulit dan rambut," katanya.

Erwannor berkata, La Botanics adalah produk keluaran 100 peratus bumiputera Muslim dan mula diperkenalkan semasa Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2014 November tahun lalu.

Mengenai perancangan masa depan Erwannor berkata, pihaknya sedang berusaha menambahkan produk-produk baru yang lebih inovatif dalam jangka masa terdekat serta menjualnya di butik bayi dan kanak-kanak.

"Kami sedang berusaha untuk meluaskan pasaran ke luar negara dan buat masa ini La Boo Botanics telah menerima pesanan daripada Singapura," katanya.

Buat masa sekarang produk La Boo Botanics hanya dijual di atas talian di Instagram dan Facebook dengan mewajibkan pembelian di laman web www.labooobotanics.com

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN ONLINE (<http://www.sinarharian.com.my>)
TARIKH : 5 APRIL 2015 (AHAD)



YIM, GMI hasilkan inovasi untuk 12 juta rakyat



Muhammad Aziph (kiri) dan Yusoff bertukar dokumen selepas menandatangani MoU antara YIM dan GMI.

YAYASAN Inovasi Malaysia (YIM) melantik German-Malaysian Institute (GMI) sebagai rakan teknikal bagi program Inovasi Inklusif menerusi pemeteraian memorandum persefahaman (MoU), baru-baru ini.

Kerjasama itu membolehkan YIM memperbaiki serta mengkomersialkan inovasi yang berpotensi untuk meningkatkan kualiti 12 juta rakyat Malaysia di bawah piramid ekonomi (BOP) iaitu golongan berpendapatan kurang RM3,050 sebulan.

Ketua Pegawai Eksekutif YIM, Muhammad Aziph Mustapha berkata, projek pertama yang akan diusahakan YIM dan GMI adalah menghasilkan lima prototaip berfungsi mini-hidro, sebuah inovasi akar umbi yang dihasilkan Hamid Jasmin di Tambunan, Sabah.

"YIM berharap dapat menggunakan prototaip tersebut di beberapa lokasi di pedalaman Sabah untuk membantu lebih 300 isi rumah bagi menambah bekalan elektrik sedia ada. Pada masa akan datang, penggunaan inovasi Mini-Hidro ini juga akan dikembangkan di Semenanjung Malaysia.

"Kami berbesar hati dapat bekerjasama dengan GMI dalam mengaplikasikan pengetahuan teknikal dan kepakaran perniagaan untuk menyelesaikan masalah akar umbi sebenar.

"Terdapat keperluan yang besar untuk mengurangkan jurang capaian BOP terutama dalam bidang pendidikan, penjagaan kesihatan, utiliti dan produktiviti," katanya dalam satu kenyataan.

Menurutnya, YIM merancang untuk mengkomersialkan enam inovasi inklusif yang bakal memberi manfaat kepada BOP.

Sementara itu, Pengarah Urusan GMI, Yusoff Md Sahir berkata, GMI mempunyai sumber mencukupi untuk membantu YIM dalam menghasilkan reka bentuk baru atau menambah baik reka bentuk sedia ada demi memberi manfaat kepada BOP seperti mini-hidro dan mesin pelerai padi.

Program Inovasi Inklusif merupakan salah satu daripada enam program berimpak tinggi (HIP6) di bawah Pelan Induk Pelan Induk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), yang mana YIM dilantik sebagai agensi pelaksana.

Program Inovasi Inklusif direka khas untuk memotivasi, mengenalpasti, menapis, menaiktaraf, mengembangkan dan melestarikan inovasi inklusif bagi menangani jurang dalam kalangan penduduk Malaysia dari segi pendapatan dan akses kepada keperluan asas seperti pendidikan, kesihatan dan institusi kewangan.

KERATAN AKHBAR
MINGGUAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 05
TARIKH: 05 APRIL 2015 (AHAD)

Helikopter AS365N2 Dauphin sering digunakan dalam urusan korporat

KUALA LUMPUR 4 April - Helikopter AS365N2 Dauphin yang terhempas di Jalan Sungai Lalang, Kampung Pasir Baru, Semenyih kira-kira 40 kilometer dari sini petang ini, sering digunakan sebagai pengangkutan korporat.

Di samping itu, pesawat malaung berkenaan juga kerap digunakan dalam urusan penguatkuasaan undang-undang, perkhidmatan perubatan kecemasan (EMS), liputan berita dan usaha mencari dan menyelamat.

Berdasarkan maklumat yang terkandung dalam laman sesawang Eurocopter www.airbushelicopters.com, AS365N2 Dauphin adalah helikopter jenis berat sederhana dua enjin pelbagai guna.

Pesawat ini pada mulanya dibangunkan dan dikeluarkan firma Perancis, Aerospatiale sebelum bergabung dengan syarikat Eurocopter multinasional itu pada 1990-an.

Helikopter ini dikeluarkan secara berterusan sejak 1975 hingga kini.

Menurut saksi kejadian, helikopter komersial dengan nombor pendaftaran 9M-1GB itu terbakar di udara sebelum terhempas pada kira-kira 4.55 petang.

Pengerusi PRIMA Corporation Malaysia, Tan Sri Dr. Jamaludin Jarjis dan Ketua Setiausaha Sulit kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Azlin Alias adalah antara enam orang yang berada di dalam helikopter itu.

Kesemua mangsa dikatakan dalam perjalanan pulang daripada menghadiri majlis resepsi anak Per-



Berdasarkan maklumat yang terkandung dalam laman sesawang Eurocopter www.airbushelicopters.com, AS365N2 Dauphin adalah helikopter jenis berat sederhana dua enjin pelbagai guna."

dana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak di Pekan, Pahang, awal hari ini.

Helikopter itu dalam penerbangan dari Kuantan ke Subang.

Sementara itu, menurut jurucakap Pusat Meteorologi Penerbangan Nasional, sewaktu kejadian, kelajuan angin sekitar tujuh knot dan terdapat awan kumulonimbus yang menyebabkan hujan. - **BER-NAMA**

'Blood moon' wows 3,000 spectators

KUALA LUMPUR: Some 3,000 astronomy enthusiasts gathered at Tengku Ampuan Jemaah Mosque in Bukit Jelutong, Selangor, last night to witness a total lunar eclipse, or "blood moon", which was visible for approximately four minutes.

The National Space Agency (Angkasa) says a total lunar eclipse occurs when the sun, earth and moon are aligned and the moon passes behind earth into its umbral shadow.

An Angkasa spokesman said the event was striking because of the moon's vibrant red colour during the total phase.

She said the eclipse, which was visible in Asia, North and South America, parts of Australia and Malaysia, began at 5.01pm and concluded at 10.59pm.

The peak stage of the eclipse, she said, was at 8.01pm and lasted for four minutes, the shortest total lunar eclipse of the century.

She said Angkasa, the Selangor Mufti Department, Science, Technology and Innovation Ministry, astronomy associations and clubs in the Klang Valley, as well as the public had come together and set up 15 telescopes at the mosque to witness the event.

"About 3,000 sky gazers came to witness the 'blood moon', with some bringing their own binoculars and



The 'blood moon' as seen in Kampung Poturidon, Kiulu, yesterday. Pic by Lano Lan

telescopes," she told the *New Sunday Times* yesterday, adding that Angkasa and Tengku Ampuan Jemaah Mosque collaborated to organise the event.

She said although the phenomenon was visible nationwide, the best places to witness the event were at the Tip of Borneo, in Kudat, Sabah, or at beaches that are unobscured by trees and tall buildings.

"In Sabah, the moon will rise earlier than in the peninsula, at around 6pm. Sabahans are lucky because they can see the beginning of the lunar eclipse, from the partial phase until the completion of the entire eclipse.

"In the peninsula, the moon will rise only at 7.20pm."

She said unlike solar eclipses, lunar eclipses were completely safe to

observe with the naked eye, without any optical aid.

"We can view the 'blood moon' without a telescope, though seeing it through binoculars would magnify the view and will make the red colouration brighter and easier to see. However, this is subject to weather conditions.

"All total lunar eclipses start with a penumbral eclipse (at 5.01pm)

where the penumbral part of earth's shadow starts moving over the moon. This phase could not be easily seen by the naked eye.

"This is followed by a partial eclipse (earth's umbra starts covering the moon, making the eclipse more visible at 6.16pm), a total eclipse (earth's umbra completely covers the moon and the moon becomes visibly red, brown or yellow in colour at 7.58pm), and maximum eclipse (the middle of the total eclipse at 8.01pm).

"Then, the total eclipse (earth's umbra starts moving away from the moon's surface at 8.03pm), partial (earth's umbra completely leaves the moon's surface at 9.45pm), and penumbral eclipse (at 10.59pm earth's shadow completely moves away from the moon)."

The United States' National Aeronautics and Space Administration (Nasa) said lunar eclipses typically happened at least twice a year, but this eclipse was the third in a series of four in a row, in the 2014-2015 tetrad.

The first was on April 15, last year. The second was in September last year, followed by yesterday's event. The agency said there would be one more on Sept 28.

For details on the "blood moon", visit Angkasa's website at www.angkasa.gov.my/planetarium or contact 03-2273 4303 / 5484.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 05 APRIL 2015 (AHAD)



Jamaluddin Jarjis Suka Berjenaka, Tidak Lokek Kongsi Idea - Wee Ka Siong

KUALA LUMPUR, 5 April (Bernama) -- Tan Sri Dr Jamaluddin Jarjis seorang yang suka berjenaka dan tidak lokek berkongsi idea mengenai percaturan politik, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Ir Dr Wee Ka Siong.

Beliau menganggap Jamaluddin ibarat abang yang sentiasa memberikan tunjuk ajar kepada adiknya.

"Saya kali pertama mengenalinya dengan rapat apabila beliau menjadi **Menteri Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)**. Dari situ saya mengamati JJ (Jamaluddin Jarjis) sebagai seorang teknokrat yang berpengetahuan luas.

"Sejak saya jadi Anggota Parlimen, dari semasa ke semasa beliau memberi nasihat bagaimana untuk menjadi MP yang kritikal tetapi konstruktif," katanya menerusi laman Facebook beliau.

Jamaluddin yang merupakan Anggota Parlimen Rompin, Pahang dan juga Pengurus Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) serta Ketua Setiausaha Sulit kepada Perdana Menteri Datuk Azlin Alias antara penumpang helikopter yang terhempas di Semenyih petang semalam.

Helikopter yang membawa enam orang termasuk juruterbangnya terhempas di Kampung Sungai Pening, Semenyih dekat sini pada 4.55 petang.

Mengulas lanjut, Wee berkata pemergian Jamaluddin adalah satu kehilangan besar dalam dunia politik dan korporat.

Katanya kali terakhir beliau bertemu Jamaluddin adalah semasa duduk bersebelahan dengan Jamaluddin pada majlis akad nikah anak perempuan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak di Sri Perdana pada 19 Mac lepas.

"Saya berasa amat terkejut dan sedih sebaik menerima berita Tan Sri Jamaluddin Jarjis terkorban dalam nahtas helikopter di Semenyih. Kali terakhir saya berbual dengannya di telefon ialah pada 29 Mac lalu ketika saya menghadiri Persidangan Kesatuan Antara Parlimen (IPU) di Hanoi.

"Beliau (Jamaluddin) juga mengatakan mahu berjumpa minggu depan untuk membincangkan beberapa perkara yang mendesak berhubung projek PRIMA," katanya sambil menambah sejak setahun ini mereka berdua sering berbincang mengenai projek PR1MA di Johor khususnya di kawasan Parlimen Ayer Hitam.

"Semasa Rang Undang-Undang PR1MA dibentangkan kami berbincang tentang kandungan serta implikasi. JJ sedia mendengar dan meminda mana-mana yang munasabah," katanya.

Wee juga mengucapkan takziah kepada anggota keluarga Jamaluddin dan Azlin dan berharap keluarga mereka tabah menghadapi ujian tersebut.

Berkongsi pendapat yang sama, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Nancy Shukri menyifatkan Jamaluddin, seorang yang ceria dan menghiburkan semasa persidangan Parlimen, apabila beliau mula berbahas.

"Saya teringat dua minggu lepas, Tan Sri Jamaluddin Jarjis bersama-sama anggota Parlimen lain sedang makan tengah hari di Parlimen. Kami makan sajian dari Terengganu, nasi dagang.

"Beliau (Jamaluddin) tanya saya bila saya boleh membawa juadah Sarawak. Laksa Sarawak sedap...katanya. Saya telah membawa 150 mangkuk laksa Sarawak untuk rakan-rakan di Parlimen. Itu kali terakhir saya bercakap dengan Tan Sri JJ," kata Nancy menerusi khidmat pesanan ringkas (SMS).

Nancy berkata beliau amat sedih dengan kehilangan dua individu yang amat beliau kenali menerusi tugasnya.

"Datuk Azlin terkenal dengan perwatakan serius tetapi individu yang mudah didekati. Selain itu, kami dari Jabatan Perdana Menteri sudah pasti akan merindui kedua-dua mereka semasa mesyuarat pasca Kabinet kami," katanya.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
MINGGUAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 02
TARIKH: 05 APRIL 2015 (AHAD)

Biodata Allahyarham

*Tan Sri Dr.
Jamaludin
Mohd. Jarjis*

Umur : 63 tahun

Tarikh lahir : 25 Mei 1951

Tempat lahir : Pekan, Pahang

Pendidikan :

- › Doktor Falsafah Kejuruteraan Elektrikal, Universiti McGill, Kanada (1980)
- › Sarjana Kejuruteraan Elektrikal (Sistem Tenaga), Universiti Manitoba, Kanada (1976)
- › Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik, Universiti Manchester, United Kingdom (1974)
- › Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Abu Bakar, Kuantan, Pahang
- › Sekolah Menengah Kebangsaan Ahmad, Pekan, Pahang
- › Sekolah Kebangsaan Ahmad, Pekan, Pahang

Kerjaya :

- › Ahli Parlimen Rompin (sejak 1990)
- › Duta Khas Malaysia ke Amerika Syarikat (sejak 2012)
- › Penggerusi Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) (sejak 2013)
- › Duta Besar Malaysia ke Amerika Syarikat (2009-2012)
- › Penggerusi Tenaga Nasional Berhad (TNB) (2000-2002)
- › Pensyarah Universiti Teknologi Malaysia (1974-1984)

Jawatan Kabinet :

- › Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (Mac 2004 - Mac 2008)
- › Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Januari 2004 - Mac 2004)
- › Menteri Kewangan II (November 2002 - Januari 2004)

Politik :

- › Ahli Majlis Tertinggi UMNO (sejak 2000)
- › Ketua UMNO Bahagian Rompin

Keluarga :

- › Isteri : Puan Sri Dr. Kalsom Ismail,
- › Anak : 4 orang

KERATAN AKHBAR
NEW SUNDAY TIMES (NEWS) : MUKA SURAT 03
TARIKH: 05 APRIL 2015 (AHAD)

Tan Sri Dr Jamaluddin Jarjis

DATE OF BIRTH: May 25, 1951
(Age: 64)

PLACE OF BIRTH: Pekan, Pahang
SPOUSE: Datin Seri Dr Kalsom
Ismail

NO. OF CHILDREN: 4

CURRENT POSTS:

- Member of parliament (MP) for Rompin
- Chairman, 1Malaysia People's Housing Programme (PR1MA)

EDUCATION:


- 1980: PhD in Electrical Engineering (Power System), University of McGill, Canada
- 1977: MSc (Electrical Engineering), University of Manitoba, Canada
- 1974: BSc (Hons) (Electrical Engineering) University of Manchester, Institute of Science and Technology, United Kingdom

CAREER (PRIVATE):

- 2002: Resigned as non-executive chairman, Tenaga Nasional Bhd (TNB)
- 2000: Non-executive chairman, TNB
- 2000: Chairman, Sabah Electricity Sdn Bhd
- 2000: Deputy chairman, TNB
- 1996-2000: Executive vice-chairman, Electrical Power Engineering (M) Sdn Bhd (EPE Power Corporation Bhd)
- 1984-1986: Managing director, EPE Power Corporation Bhd
- 1982: Director, J&A Associates, an engineering consultancy firm
- 1982: Director, DZJJ Sdn Bhd
- 1981: Founder and consulting engineer, J&A Associates

OTHER POSTS HELD:

- 2012: Chairman, PR1MA
- 2000: Chairman, Public Accounts Committee
- 1999-2002: President, Backbenchers Club for the 10th Parliament
- 1994: Chairman, Public Accounts Committee
- 1988-1990: Chairman/director, Koperasi Belia Nasional (Kobena)



INFOGRAPHIC: NST

CAREER (GOVERNMENT):

- 2009: Malaysian ambassador to the United States with ministerial status
- 2006: Science, technology and innovation (Mosti) minister
- 2004: Mosti minister
- 2004: Domestic trade and consumer affairs minister
- 2002: Second finance minister
- 1974: Lecturer, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), during which time he undertook research and development programmes related to the power industry

CAREER (POLITICS):

- 2013: Umno supreme council member for 2013-2016 term
- 2013: MP for Rompin for sixth term
- 2009: Umno supreme council member for 2008-2011 term
- 2008: MP for Rompin for fifth term
- 2004: Umno supreme council member for 2004/2007 term
- 2004: MP for Rompin for fourth term
- 2000: Umno supreme council member for 2000/2003 term
- 1999: MP for Rompin for third term
- 1995: MP for Rompin for second term
- 1990: MP for Rompin
- 1980: Member, Kampung Mengkasar Umno branch, Pekan

KERATAN AKHBAR
MINGGUAN MALAYSIA (BELASUNGKAWA) : MUKA SURAT 07
TARIKH : 5 APRIL 2015 (AHAD)



PERGINYA PEMIMPIN DAN DIPLOMAT BERWIBAWA

Oleh ZULKIFLEE BAKAR
zulkifleebakar@gmail.com

"**B**RO, tahniah bagus artikel kau hari ini." Itulah antara mesej yang kerap diterima penulis daripada Ahli Parlimen Rompin Tan Sri Jamaludin Jarjis.

Kebiasaan Allahyarham juga turut memberi pandangan untuk dijadikan bahan artikel penulis khususnya dalam soal politik melibatkan UMNO dan Pas.

Justeru apabila menerima berita Allahyarham merupakan salah seorang yang terkorban dalam nahas helikopter di Semenyih, Kajang, semalam, penulis terkedu seketika.



Bagi penulis, Jamaludin yang juga Pengurus Projek Perumahan iMalaysia (PRIMA) bukan sekadar seorang ahli politik tetapi juga diplomat yang cukup hebat. Allahyarham mempunyai semangat jati diri sebagai seorang pemimpin Melayu yang kuat.

Masihkah kita ingat pada 4 November 2009, Allahyarham secara rasmi menyerahterahkan wataikh pelantikan sebagai Duta Malaysia ke Amerika Syarikat (AS) kepada Presiden Barack Obama.

Penyerahan itu bukannya dilakukan seperti mana duta sebelum ini yang memakai sut, sebaliknya Allahyarham menarik perhatian apabila memasuki White House seperti pahlawan Melayu dengan baju Melayu dan tanjuk Melayu, beliau sempat bertutur dalam bahasa Melayu dengan Obama.

"Aku nak tunjukkan budaya Melayu kat Obama, aku bangga berpakaian macam tu," katanya kepada penulis dalam satu pertemuan kami di Carcosa Seri Negara beberapa bulan selepas peristiwa itu.

Allahyarham dianggap tokoh bertanggungjawab memperkuatkhan hubungan antara Malaysia dengan AS serta memainkan peranan penting untuk menepis sebarang dakah yang disebarluaskan oleh pembangkang tentang kerajaan Malaysia sepadan AS.

Hasil daripada kesungguhan dan komitmen beliaulah menghasilkan lawatan sejarah Obama ke Malaysia pada 26 hingga 28 April tahun lalu.



JAMALUDIN menerima wataikh pelantikan Duta Besar Malaysia ke Amerika Syarikat daripada Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin (kanan) di Istana Negara pada 4 Ogos 2009.

"Ini jalah satu penghormatan kepada rakyat Melayu kerana dunia besar mengiktiraf kita, sebuah negara Islam. Akhirnya ada pengiktirafan dunia kepada usaha membangunkan negara yang dibuat oleh kerajaan sejak merdeka," kata Allahyarham dalam wawancara dengan penulis menjelang latihan bersejarah itu.

Seperti mana kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, kembalinya Jamaludin ke rahmatullah adalah kehilangan besar kepada kerajaan, parti dan negara. Itulah hakikatnya yang tidak boleh dinafikan oleh sesiapa.

Allahyarham Jamaludin pernah dianggap tenaga baru dalam barisan jemahat menteri apabila dilantik terus ke jawatan Menteri Kewangan Kedua pada 21 November 2002. Beliau kemudiannya berpindah sementara ke Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

sebelum diberikan kepercayaan menerusi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi pada 30 Mac 2004.

Bagi mereka yang mengenalinya Jamaludin, Allahyarham ialah seorang yang cukup menelekkan soal kecermerlangan akademik. Allahyarham sendiri memiliki ijazah Sarjana Muda Sains Kelas Pertama dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dari Institut Sains dan Teknologi di Universiti Manchester, United Kingdom yang diperolehnya pada tahun 1974.

Tiga tahun kemudian, beliau menggenggam pulu ijazah Sarjana Sains dalam bidang yang sama dari Universiti Manitoba, Kanada selepas memperolehi Doktor Falsafah Kejuruteraan Elektrik (Sistem Tenaga) dari Universiti McGill, juga di Kanada pada 1980.

Walupun mendapat pendidikan tinggi di luar negeri namun jati diri Allahyarham

sebagai seorang pemimpin Melayu sentiasa kukuh. Atas sebab itulah, dalam kalangan pemimpin UMNO, Allahyarham dianggap salah seorang pejuang Melayu.

"Apa pun jadi, kita kena' pertahanan UMNO kerana UMNO sahaja harapan orang Melayu. Dalam usaha ini pemimpin-pemimpin UMNO mestinya berubah mengikut perkembangan semasa termasuk memenuhi citacita anak muda khususnya berhubung dengan mereka melalui teknologi terkini," kata Allahyarham.

Malah penulis masih ingat ketika kami berbual bersama berlangsungnya Perhimpunan Agung UMNO 2013, Allahyarham menceritakan bagaimana 'agak terkial-kial' apabila menularkan telefon bimbit selari dengan perkembangan teknologi.

"Kita kena belajar untuk kuasai teknologi baru, kalau

tidak kita ketinggalan," kata Allahyarham sambil membekalkan telefon bimbit jenis Samsung yang baru dimilikinya.

Berbelak dengan anak kelahiran Pekan, Pahang ini, kita tidak akan berasah bosan kerana Allahyarham mempunyai idea-idea berfaedah.

Ketika mengikuti lawatan Tun Abdullah Ahmad Badawi yang ketika itu Perdana Menteri di Texas, Allahyarham pernah berbual hampir dua jam dengan penulis di dalam cuaca sejuk di luar sebuah restoran.

Pelbagai pandangan beliau lontar khususnya bagaimana usaha Allahyarham untuk membawa syarikat-syarikat multimedia besar beroperasi di Malaysia.

Allahyarham bukanlah seorang yang suka berpuji-pujui. Kalau ada sesuatu perkara itu tidak disukai oleh beliau, Allahyarham akan berzakap secara terus-terang.

"Bro, kau kena hati-hati sikit, bila tegur bab politik dalam UMNO ini, takut-takut nanti orang salah faham," tegur Allahyarham kepada penulis tidak berapa lama duu.

Sesungguhnya pemergian Allahyarham adalah satu kehilangan kepada UMNO dan negara kerana Allahyarham bukan ahli politik biasa tetapi pemimpin dan diplomat yang cukup berwibawa.

Semoga Allah mencuruk rahmat ke atas roh Allahyarham dan menempatkan Allahyarham bersama-sama orang beriman serta beramal soleh.

- AL FATHAH.



JAMALUDIN merupakan seorang pemimpin yang disenangi dan berjaya rakyat.

JAMALUDIN menerima pingat darjah Panglima Setia Mahkota (PSM) yang membawa gelaran Tan Sri daripada Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah (kanan) sempena hari ulang tahun keputeraan rasmi Seri Paduka Baginda di Istana Negara pada 7 Jun 2014.

KERATAN AKHBAR TEMPATAN
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 5
TARIKH: 5 APRIL 2015 (AHAD)

BELASUNGKAWA

Kehilangan besar negara

Pemerintah Allahyarham Tan Sri Dr Jamaluddin Jarjis (**gambar**), yang terkorban dalam tragedi helikopter terhempas di Kampung Pasir Baru, Sungai Pening, Semenyih, Selangor, petang semalam, disifatkan kehilangan besar kepada negara.

Pada usia 64 tahun yang bernalang genap pada 25 Mei nanti, Jamaluddin yang juga Pengurus Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) berpengalaman luas dalam pentadbiran negara apabila mula menyertai Kabinet bermula November 2002 dengan pelantikan sebagai Menteri Kewangan Kedua.

Ahli Parlimen Rompin itu kemudiannya dilantik sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dalam rombakan kecil Kabinet pada Januari 2004.

Pemegang Ijazah Kedoktoran dalam kejuruteraan elektrik pengkhusus sistem kuasa dari University of McGill, Kanada itu kemudiannya diberi kepercayaan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi untuk menerajui **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi** pada 30 Mac 2004.

Bagaimanapun, Allahyarham digugurkan dalam senarai barisan Kabinet selepas memenangi kerusi Parlimen Rompin pada Pilihan Raya Umum 2008 apabila tempat beliau digantikan dengan Datuk Seri Dr Maximus Johnity Ongkili.

Sebelum menyertai Kabinet, Jamaluddin dipertanggungjawabkan sebagai Pengurus Tenaga Nasional Berhad dan pernah memegang jawatan Pengurus Jawatankuasa Kira-Kira

Wang Negara (PAC) serta Pengurus Kelab Penyokong Kerajaan (BBC).

Kerjaya mengagumkan

Beliau membina kerjaya mengagumkan sebagai tokoh tegar dengan pelbagai jawatan tinggi sepanjang kerjaya profesionalnya sebelum menyertai Kabinet.

Kerjaya Jamaluddin bermula sebagai pensyarah di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada tahun 1974 dan meninggalkan institusi itu pada tahun 1984 untuk memulakan syarikat perkhidmatan perundingan sendiri, J & A Associates, khusus dalam kuasa elektrik dan kejuruteraan mekanikal.

Allahyarham yang dilantik sebagai Duta Besar Malaysia ke Amerika Syarikat pada 4 Ogos



2009, mendirikan rumah tangga dengan Dr Kalsom Ismail, lulusan doktor pergigian. Hasil perkongsian hidup, mereka dikurniakan empat cahaya mata.

Laksana tugas dengan baik

Sepanjang tempoh perkhidmatan sebagai Duta Besar, Jamaluddin melaksanakan tugasnya

dengan baik bagi memperkuatkan hubungan antara Malaysia di bawah pentadbiran Datuk Seri Najib Razak dan Amerika Syarikat yang dipimpin Presidennya, Barack Obama.

Jamaluddin juga boleh dianggap sebagai 'Bapa Sains Malaysia' kerana prestasi cemerlang dalam misi negara menghantar warga Malaysia ke angkasa lepas menerusi projek '**Angkasawan Negara**', malah ada yang memberi beliau gelaran, Menteri Angkasa.


Projek angkasawan memperlihatkan fenomena baharu dalam dunia pendidikan negara terutama dalam bidang sains selepas Datuk Dr Sheikh Muszaphar Shukor dinobatkan sebagai Angkasawan Negara pertama pada tahun 2007.

Sesungguhnya jasa dan pengorbanan Jamaluddin tidak boleh disangkal dalam menaikkan imej negara khususnya di persada antarabangsa.

Jamaluddin a great friend to all

STELLAR: Jamaluddin oversaw nation's 1st Angkasawan programme

KUALA LUMPUR



TAN Sri Dr Jamaluddin Jarjis, 64, was a flamboyant politician and the former science, technology and innovation minister.

After holding many positions in the government and private sector, he became chairman of the 1Malaysia People's Housing Programme and Malaysian special envoy to the United States in 2009.

His efforts as an envoy saw US President Barack Obama visiting Malaysia from April 26 to 28 last year.

Obama's visit to Malaysia was the first by a sitting US president in 48 years, after the last visit by Lyndon B. Johnson in 1966.

Jamaluddin, fondly known as JJ, had said Obama's visit was a recognition of its successful development efforts and an honour to Malaysians because a First World nation recog-



Rompin member of parliament Tan Sri Dr Jamaluddin Jarjis (second from left) attending the wedding reception of Prime Minister Datuk Seri Najib Razak's daughter, Nooryana Najwa, and Daniyar Kessikbayev, in Pekan earlier yesterday.

nised a developing nation.

He had been the Rompin member of parliament since 1990 and was elected to the Umno Supreme Council in May 2000.

Jamaluddin was a close confidant of Prime Minister Datuk Seri Najib Razak as both grew up together in Umno and national politics.

He was a skilled political strategist and a great friend to many.

While serving as science, technology and innovation minister, he watched over the Angkasawan programme, which saw Dr Sheikh Muszaphar Shukor become the first Malaysian in space on Oct 10, 2007. Jamaluddin, who was also second

finance minister in 2002, was married to Datin Seri Dr Kalsom Ismail, a dentist.

Born in Pekan, Pahang, he completed his secondary education in Sultan Abu Bakar School, Kuantan.

A PhD holder in electrical engineering (power system) from the University of McGill, Canada, Ja-

maluddin also served as the Tenaga Nasional Berhad non-executive chairman in 2000.

He had a keen interest in electrical engineering and served as a lecturer at Universiti Teknologi Malaysia, during which he undertook research and development programmes related to the power industry.

**KERATAN AKHBAR
SUNDAY STAR (NATION) : MUKA SURAT 18
TARIKH: 5 APRIL 2015 (AHAD)**

Tan Sri Dr Jamaluddin Jarjis

- Age:** 63
- Married to Datin Seri Dr Kalsom Ismail
- Children:** 4
- Member of Parliament for Rompin
- Second Finance Minister (November 2002 – January 2004)
- Domestic Trade and Consumer Affairs Minister (January 2004 – March 2004)
- Science, Technology and Innovation Minister (March 2004 – March 2008)
- Malaysian Ambassador to the United States with ministerial status (July 2009 – February 2012)
- 1 Malaysia People's Housing (PR1MA) chairman
- Malaysian special envoy to the United States.

Datuk Seri Azlin Alias

- Career:** Principal private secretary to the Prime Minister and director of the Economics division at the Prime Minister's office
- A former analyst and the ex-deputy Managing director of Avenue Assets
- Picked by the Prime Minister to handle issues relating to Government-Linked Companies and even handled Budget speeches.
- He started a career in Tenaga Nasional as an analyst before joining Nomura Securities, then Avenue.

Cliff Fournier

- Pilot
- From:** Ramsey, Minnesota
- Married to Maria Fournier
- Director at Solaire Helicopters from 2000

Ejdiana Baiziera

- Co-Pilot

Datuk Tan Huat Seang

- From:** Kedah
- Director at Lam Ho Enterprise
- Director at SP Baiduri
- Was a part of the PR1MA project

Mohd Razkan Seran

- Age:** 32
- From:** Sabah
- Bodyguard

KERATAN AKHBAR
SUNDAY STAR (NATION) : MUKA SURAT 06
TARIKH: 05 APRIL 2015 (AHAD)

JJ – from lecturer to politician and diplomat

PETALING JAYA: Tan Sri Jamaluddin Jarjis, "JJ" to his friends, started out as a lecturer in Universiti Teknologi Malaysia before embarking on his colourful career as a politician and diplomat.

First elected as MP for Rompin in 1990, Jamaluddin has also held three key Cabinet portfolios –

Second Finance Minister (2002-2004); Domestic Trade and Consumer Affairs (January-March, 2004); and **Science, Technology and Innovation (2004-2008)**.

He holds a Master of Science in Electrical Engineering and a PhD in Electrical Engineering (Power Systems) – both qualifications

obtained from Canadian universities.

"Power" being his forte, the father of four was chairman of Tenaga Nasional Bhd, and also chaired the Public Accounts Committee and the influential Backbenchers' Club.

His biggest posting was as

ambassador to the United States between 2009 and 2011.

Among friends, he is known as the quintessential politician and a diplomat extraordinaire.

He was friendly, approachable and easily accessible.

For those who have worked with Jamaluddin, he was a

good teacher.

Syamil Zayid, who has only been his private secretary for 16 months, said: "He was like a father figure and teacher to me. He trained me well."

"The last time I saw him on Thursday, he was his cheerful self."

Azlin held many roles

PM'S AIDE: Started his career as an accountant in TNB

KUALA LUMPUR


DATUK Azlin Alias, 48, was appointed as the principal private secretary to the Prime Minister Datuk Seri Najib Razak on March 10 last year replacing Tan Sri Ab Aziz Kasim.

Aziz retired on March 9 last year after serving Najib for 17 years.

Prior to his appointment, Azlin was director of the economic division in the Prime Minister's Office.

He began his professional career in Tenaga Nasional Bhd (TNB) in 1990 as an accountant. He later became TNB's investor relations head before leaving the company in 1995.

He had held various positions, including as Malaysian Technology Development Corporation Sdn



Bhd chief executive officer and Globetronics Technology Bhd non-independent non-executive director.

Azlin had a Bachelor of Commerce (Accounting) degree from University of New South Wales, Australia.

He was also a member of the Certified Practising Accountant Australia and was voted "Best Research Analyst" in 2003 by *The Edge*.

He is survived by his wife, Datin Azlina Mahmad, and three children.



A piece of the helicopter wreckage that fell on a tree in Semenyih yesterday.